



MAJLIS DAERAH BALING

09100 BALING, KEDAH DARUL AMAN
TEL: (04) - 4701800 FAX (04) - 4701580

(IKLAN JAWATAN KOSONG)

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia (Tinggal Di Negeri Kedah) yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Pejabat Majlis Daerah Baling seperti berikut:-

JAWATAN : **PEMBANTU PENGUAT KUASA**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

GREED JAWATAN : **KP19**

JADUAL GAJI :

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	JUMLAH JAWATAN
KP19	RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00	2

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00);
atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00);
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40);
atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80).

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

- 2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : KONTRAK

DESKRIPSI TUGAS : Menolong dalam menjalankan operasi penguatkuasaan seperti, penyediaan statistik penguat kuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa